

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 27.11.2014

SOALAN :

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) adakah Kementerian tidak ada plan alternatif selain daripada mengadakan peperiksaan semula bila kebocoran kertas soalan peperiksaan terjadi kerana hampir setiap tahun Kementerian menghadapi masalah kebocoran soalan peperiksaan dan ini telah menyusahkan guru-guru dan murid-murid; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian agar masalah ini tidak terus berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) peperiksaan, jika sah berlaku kebocoran kertas soalan secara meluas, maka tindakan mengadakan peperiksaan semula akan diambil. Ini adalah bagi menjamin keadilan kepada semua calon peperiksaan, di samping kredibiliti peperiksaan itu sendiri.

(b) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah drastik dan serta-merta bagi menangani kes kebocoran kertas peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014. Selain daripada menyerahkan kepada pihak berkuasa bagi menyiasat kes berkenaan dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas perundangan sedia ada, KPM juga telah:

- 1) Menubuhkan satu Jawatankuasa Bebas untuk mengenalpasti kelemahan dan ruang-ruang ketirisan pengurusan dan pengendalian kertas peperiksaan yang boleh dimanipulasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk meneliti semula Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengendalian dan pengurusan peperiksaan awam serta proses kerja berkaitan, dan seterusnya menyediakan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian;
- 2) Melaksanakan rombakan dan penempatan pegawai-pegawai bagi memantapkan lagi pengurusan dan pengendalian peperiksaan awam seperti yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia;
- 3) Mengetatkan lagi semua aspek keselamatan di setiap peringkat pengurusan peperiksaan awam. Setiap individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan peperiksaan perlu menjalani tapisan keselamatan dan diwajibkan menandatangani surat Akuan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti mana yang ditetapkan dalam SOP sedia ada. Perkara ini akan

dipantau dengan lebih ketat agar integriti dan keselamatan bahan peperiksaan benar-benar terjamin;

- 4) Melengkapkan lagi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di semua bilik kebal seluruh negara sebagai langkah penambakan pemantauan dan keselamatan bahan peperiksaan;
- 5) Memberi taklimat keselamatan mengenai pengurusan dan pengendalian bahan peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh SOP secara berterusan bagi menjamin integriti semua pihak terlibat di tahap terbaik; dan
- 6) Memendekkan tempoh penyimpanan di bilik kebal dan penghantaran kertas soalan ke bilik kebal sebelum peperiksaan bermula serta memantapkan lagi Pengurusan Krisis (*Crisis Management*) untuk bertindak serta merta apabila berlaku sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Langkah ini dijangka mampu untuk menangani masalah kebocoran kertas peperiksaan seiring dengan kecanggihan teknologi pada masa ini.

KPM sentiasa memandang serius terhadap sebarang insiden yang berlaku dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Namun, apa yang ingin ditegaskan adalah faktor kemanusiaan **yang melibatkan integriti individu** yang terlibat untuk menjamin semua langkah-langkah yang dilaksanakan dapat membendung perkara ini dari berulang.